# MENGEKALKAN KEHARMONIAN KAUM DAN AGAMA DI SINGAPURA

Keharmonian kaum dan agama kita telah dipupuk sejak dahulu, dilakukan secara dengan sengaja dan dengan melayan semua sama, tidak kira bangsa dan agama. Ia adalah satu perjuangan yang gigih dan berharga. Kita tidak boleh benarkan ucapan kebencian dan perlu mengekang ucapan ofensif.

## Apakah ucapan kebencian?

- Ucapan kebencian adalah sebarang ungkapan yang disebar, membangkitkan, menggalak atau menjadi alasan bagi kebencian perkauman, xenofobia atau sebarang bentuk kebencian berdasarkan tiada toleransi.
- Ia boleh dicetuskan dalam pelbagai wadah, seperti agama, politik, media massa dan hiburan, termasuk muzik.

## Ucapan kebencian boleh menyebabkan perpecahan sosial

**Pendedahan kepada ucapan kebencian boleh**



Meningkatkan prejudis, perasaan diancam dan kecenderungan melakukan keganasan



Menghilangkan kepekaan individu



Menormakan tingkah laku yang selalunya dikutuk secara sosial



Menyahinsanikan orang lain dan melucutkan moraliti



Mencetuskan kemarahan dan ketakutan, menyukarkan mengawal emosi atau tindakan

**Singapura mengambil pendekatan tegas melarang ucapan kebencian dan tindakan pantas terhadapnya.**

## Apakah ucapan ofensif?

- Ucapan ofensif boleh menjejas keharmonian agama dan bangsa. Terdapat keselenjaran antara ucapan kebencian dengan ucapan bukan kebencian. Ucapan ofensif adalah dalam spektrum ini dan boleh menjadi ucapan kebencian atau bertindih dengannya.
- Jika kita biarkan cemuhan, serangan terhadap kumpulan keagamaan dan kepercayaan mereka, lama-kelamaan perbuatan menyerang atau menyakiti orang lain akan menjadi kebiasaan dan menyebabkan individu hilang kepekaan dan perpecahan sosial. Kita tidak harus membiarkan ia berlaku dalam wacana awam.



Sumber: KEMENTERIAN EHWAL DALAM NEGERI
GRAFIK BERITA HARIAN